



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI SEKOLAH
SCHOOL OPERATION SECTOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 4, BLOK E2, KOMPLEKS E
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302
Faks : +603-8888 6680
Laman Web : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj. Kami : KPM.800-1/1/1 Jld. 2 (50)

Tarikh : 09 Oktober 2020

Pengarah Pendidikan Negeri
Jabatan Pendidikan Negeri Sabah

Pengarah Pendidikan Negeri
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor

YBhg. Datuk Dr./Tuan,

PENANGGUHAN PENTAKSIRAN KEMASUKAN SEKOLAH KHUSUS TAHUN 2020 BAGI NEGERI SABAH DAN SELANGOR

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk dan Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 9 Tahun 2020 bertarikh 1 September 2020 adalah berkaitan.

2. Sebagaimana YBhg. Datuk Dr./Tuan sedia maklum, permohonan secara dalam talian bagi kemasukan murid ke Sekolah Khusus telah selesai dilaksanakan pada 2 Oktober 2020. Berdasarkan ketetapan awal yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), proses pentaksiran akan diadakan secara berpusat di semua pusat pentaksiran mulai 12 hingga 23 Oktober 2020 bagi Tingkatan 1 dan 26 Oktober hingga 6 November 2020 bagi Tingkatan 4.
3. Walaupun demikian, susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di beberapa daerah di Sabah dan Selangor mulai 3 Oktober 2020, Pentaksiran Kemasukan Sekolah Khusus (PKSK) bagi negeri Sabah dan Selangor **ditangguhkan** kepada suatu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

.../2

4. Sehubungan dengan itu, YBhg. Datuk Dr./Tuan adalah dimohon untuk memaklumkan kandungan surat ini kepada semua pegawai di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, pengetua dan guru besar di bawah kawalan YBhg. Datuk Dr./Tuan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJJ ADZMAN BIN TALIB)

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Sektor Operasi Sekolah
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

1. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Semua Setiausaha Bahagian
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Semua Pengarah Bahagian
Kementerian Pendidikan Malaysia